

17 DEC 2001

SOROTAN AKHIR TAHUN-SERANTAU

KEGANASAN, ISU BARU BAGI PERKUMPULAN SERANTAU UNTUK DIHADAPI

Oleh: Mohd Arshi Daud

KUALA LUMPUR, 18 Dis (Bernama) -- Tumpuan perkumpulan-perkumpulan ekonomi utama telah berubah dengan mendadak selepas 11 September apabila ekonomi-ekonomi bergelut dengan kejatuhan akibat serangan pengganas ke atas Amerika Syarikat.

Daripada urusan biasa berusaha membuka pasaran-pasaran negara-negara sedang membangun terhadap negara-negara membangun yang berjuang untuk syarat-syarat lebih saksama dan juga integrasi lebih besar dalam kes Asean, tumpuan mereka kini telah termasuk juga menentang keganasan.

Ini terbukti jelas dalam beberapa mesyuarat besar yang diadakan selepas peristiwa tragis itu -- sama ada Apec atau Sidang Kemuncak Asean pada Oktober atau persidangan peringkat menteri WTO pada November, di mana kebanyakan keputusan yang dicapai dikaitkan kepada serangan ganas itu.

Misalnya, pada mesyuarat keempat WTO (Pertubuhan Perdagangan Dunia) di Doha, Qatar, negara-negara kaya menggunakannya sebagai landasan anti keganasan dan lebih sanggup menggugurkan dasar-dasar perlindungan dalam sektor-sektor yang berkepentingan kepada negara-negara sedang membangun.

Negara-negara maju menjanjikan kemudahan kemasukan pasaran lebih baik bagi produk-produk tekstil dan pertanian dunia sedang membangun kerana mereka kini telah memperakui pentingnya mengurangkan ketidakimbangan ekonomi. Konsesi seumpama itu oleh negara-negara maju menjadi penggalak keyakinan kepada ekonomi dunia yang sedang menghadapi kelembapan seluruh dunia yang semakin buruk akibat 11 September.

Juga, pada perhimpunan di Doha itu, sistem perdagangan pelbagai hala yang lebih liberal nampaknya muncul apabila menteri-menteri perdagangan bersetuju mengenai agenda bagi perundingan perdagangan dan satu rangka masa.

Tetapi satu pusingan perdagangan baru mungkin mengambil masa beberapa tahun untuk menjadi kenyataan. Pusingan perdagangan merujuk kepada satu set perundingan yang membabitkan banyak negara cuba menyetujui mengenai menurunkan duti-duti kastam dan halangan-halangan perdagangan lain kepada barangan satu sama lain.

Bagi Malaysia, pusingan perdagangan boleh dimulakan hanya dalam masa dua tahun seperti dibayangkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada November lalu.

Bagi Asean, apara pemimpinnya menggunakan sidang kemuncak ketujuh perkumpulan itu untuk menyuarakan kebimbangannya terhadap kesan buruk 11 September ke atas negara-negara anggota, terutamanya berlatarkan pelaburan asing yang merosot dan kelebihan persaingan yang berkuangan.

Pemimpin-pemimpin itu, yang berhimpun di Bandar Seri Begawan, Brunei, juga berminat membentuk perkongsian Asia Timur yang lebih erat dengan rakan-rakan dialognya -- China, Jepun dan Korea Selatan.

Yang lebih penting adalah keghairahan para pemimpin Asean dalam melihat Kawasan Perdagangan Bebas Asean-China (FTA) yang dicadangkan China menjadi kenyataan. Para pemerhati percaya bahawa negara-negara Asean dan China memerlukan FTA, terutamanya kini mereka menderita akibat kejatuhan dalam eksport ke AS kerana permintaan domestik daripada negara itu runtuh sebaik selepas kejadian 11 September.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz telah menyatakan bahawa FTA Asean-China yang dicadangkan itu menjadi bermakna dengan kemasukan China ke dalam WTO. China diterima ke dalam badan perdagangan dunia itu semasa persidangan peringkat menteri WTO di Doha.

Para pemimpin Asean juga merasakan bahawa kemasukan China ke dalam WTO

akan mengujudkan lebih banyak peluang bagi perkumpulan serantau itu yang kini melihat China sebagai pesaing bagi aliran pelaburan langsung asing.

Ditetapkan untuk menjadi kenyataan dalam masa 10 tahun, FTA itu akan mempunyai pasaran bergabung kira-kira dua bilion penduduk dan keluaran dalam negara kasar terkumpul AS\$2 trilion (RM7.6 trilion).

Sesetengah malahan melihat pembentukan FTA Asean-China sebagai ubat untuk memulihkan kawasan perdagangan bebas Asean (AFTA) sendiri yang telah tergantung sejak krisis kewangan 1997-1998.

Keganasan itu juga mencuri perhatian mesyuarat kesembilan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Shanghai, China, yang merupakan perhimpunan terbesar para pemimpin antarabangsa selepas serangan 11 September itu. Di sebalik sebagai forum untuk menggalakkan kerjasama ekonomi serantau, isu-isu ekonomi telah terkebelakang kerana para pemimpin Apec masih berkeadaan terkejut disebabkan serangan ganas itu.

Di dalam deklarasi mereka yang dikenali sebagai Persetujuan Shanghai, para pemimpin Apec, antara lain, bersetuu mengenai perlunya memulihkan kelembapan ekonomi sekarang dan mengekalkan keyakinan awam dengan menentang dasar perlindungan.

Adalah jelas bahawa AS, sebagai ekonomi terbesar dunia, sedang mendesak agendanya dalam sebanyak mungkin forum. Bagaimanapun, para pemerhati merasakan bahawa ia tidak seharusnya mengenyepikan matlamat lebih besar mengujudkan faedah-faedah lebih saksama kepada semua, terutamanya ekonomi-ekonomi sedang membangun yang amat tertekan. -- BERNAMA

MAD MR SHY OS